

**K**LANG: Selama dua tahun kawasan hutan berhampiran kawasan kilang di Telok Gong, Pandamaran, dekat sini, dijadikan 'lubuk' dadah sekumpulan penagih.

Bagaimanapun, kegiatan mereka yang dilakukan di celah semak samun itu akhirnya berakhir Sabtu lalu, apabila sepasukan polis dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor menyerbu tempat persembunyian mereka.

Dalam operasi yang bermula jam 5 pagi dan berakhir kira-

# Semak lubuk pengedar, penagih

kira jam 2 petang, seramai 32 anggota polis diketuai Asisten Superintendan Azmi Abdullah dan sekumpulan wartawan terpaksa menyorok dalam hutan berkenaan sebelum satu demi satu terlibat penagih dengan menunggang motosikal muncul untuk mendapatkan bekalan dan mengambil dadah.

Ketika serbuan dibuat, kira-kira 22 suspek dipercayai pena-

gih berusia antara 18 hingga 57 tahun ditahan dan kebanyakan mereka adalah pekerja kilang atau tidak bekerja.

*Berita Harian* difahamkan waktu kegiatan itu dilakukan antara jam 10 pagi hingga 6 petang dan paling ramai penagih berkunjung antara jam 12 tengah hari hingga 2 petang.

Kegiatan penagih terbabit sukar dikesan pihak berkuasa

berikutan kedudukannya kira-kira 300 meter dari jalan.

Azmi berkata, polis turut menahan dua lelaki disyaki pengedar dan penagih serta menemui 8.5 gram heroin dalam tiub untuk dijual kepada penagih.

Katanya, pemerhatian yang dilakukan mendapati sebaik pengedar yang berusia 37 tahun masuk ke kawasan itu, ramai

penagih mula datang untuk membeli dadah bagi melepaskan gian.

Pengedar yang ditahan itu disiasat mengikut Seksyen 39A (2) dan 12 (2) Akta Dadah Berbahaya, manakala penagih siasat mengikut Seksyen 3(1) Akta Rawatan dan Pemulihan.

Semua suspek terbabit kemudian dibawa Balai Polis Pandamaran untuk tindakan lanjut.